EVOLUSI DEKAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

ڤرڤوستاکاءن چندکياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

APRIL
2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

SESI LIBAT URUS

8 April 2026

Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan

Oleh : Lailatul Akma Omar



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail kepada PRJ dan PTRJ UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi



Encik Mohd Nurussabah sedang menjelaskan isu berkaitan pengurusan fail di Unit Pengurusan Fasiliti kepada En. Md Kamil bin Ibrahim

BUKIT BESI, 8 April – Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTj) menerusi Lawatan dan Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan. Program tersebut telah berlangsung secara bersemuka di Bilik Mesyuarat Perdana, UiTMCT Kampus Bukit Besi dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.



Sesi ini turut merangkumi penerangan berkaitan tatacara penggunaan Online Finding Archive (OFA) kepada staf yang hadir

Sesi tersebut telah dikendalikan oleh Encik Md Kamil bin Ibrahim, Pustakawan Kanan daripada Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun. Seramai 15 orang staf yang terdiri daripada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) dan Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) UiTMCT Kampus Bukit Besi telah menghadiri sesi berkenaan.

Antara pengisian yang dilaksanakan termasuk konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail, penyimpanan rekod, pelupusan rekod serta perkara-perkara berkaitan pengurusan rekod jabatan. Secara keseluruhannya, sesi libat urus ini dapat memberi pendedahan yang lebih jelas kepada warga kerja mengenai amalan pengurusan rekod yang teratur dan berkesan.

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI